

## Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

---

**From:** Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni UUM CAS  
**Sent:** Sunday, April 16, 2017 12:36 PM  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Cc:** Dr. Massudi bin Mahmuddin; Dr. Mohamad Farhan Bin Mohamad Mohsin  
**Subject:** 3 PELAJAR CAS MENYERTAI KONVENSYEN PERSATUAN MAHASISWA FAKULTI SAINS KOMPUTER PERINGKAT KEBANGSAAN 2017



PEJABAT PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI  
Student Development & Alumni Office  
College of Arts and Sciences  
**Universiti Utara Malaysia**



16 APRIL 2017 | 19 REJAB 1438 H

=====

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

*Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia*

**Assalamualaikum & Salam Sejahtera.**

YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan,

### **3 PELAJAR CAS MENYERTAI KONVENSYEN PERSATUAN MAHASISWA FAKULTI SAINS KOMPUTER PERINGKAT KEBANGSAAN 2017**

PPA UUM CAS ONLINE: Seramai 3 orang pelajar dari Pusat Pengajian Pengkomputeran (SOC) College of Arts and Sciences (CAS) telah menyertai satu program iaitu Konvensyen Persatuan Mahasiswa Fakulti Sains Komputer Peringkat Kebangsaan 2017 di Universiti Putra Malaysia (UPM). Program ini telah berlangsung selama tiga hari pada 7/4/2017 hingga 9/4/2017. Program ini bertujuan untuk berkongsi idea yang diberikan oleh pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM) mengenai bidang teknologi maklumat seterusnya memberi pededahan baharu kepada para pelajar.



Program yang dianjurkan oleh *Computer Sciences Students' Association* (COMSSA) UPM ini turut disertai oleh enam buah universiti lain iaitu Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan juga Universiti Utara Malaysia (UUM).

Program yang berlangsung ini telah dimulakan dengan perkongsian penceramah tentang pengalaman beliau sebagai pemimpin. Para peserta dapat berinteraksi antara satu sama lain dengan peserta daripada universiti lain. Keesokan harinya, program diteruskan lagi dengan perkongsian penyelidikan *Data Analytics*, *Quantum Computing*, *Internet of Things* (IoT) dan penggunaan *Audio Analysis*. Selepas itu, forum tentang "*Impact of Research on IT for Undergraduate Student*" telah dikendalikan oleh Prof. Dr. Rusli Abdullah, Prof. Dr. Shamala Subramaniam dan Dr Alfian Abdul Halin. Pada hari terakhir, satu slot perkongsian oleh pelajar UPM berkenaan Keusahawanan telah berlangsung dimana para peserta berpeluang menerokai kemampuan dan keyakinan mereka dalam bidang keusahawanan.



Menurut salah seorang peserta dari Universiti Utara Malaysia yang menyertai program ini, program ini memberikan banyak input kepada mereka sebagai Pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains dan Teknologi Maklumat. Selain itu, para peserta dapat menerokai dan memperolehi gambaran yang lebih jelas tentang kesan penyelidikan dalam bidang teknologi maklumat terutama sekali kesannya terhadap pelajar ijazah sarjana muda.

“Dari program ini, kami dapat belajar sesuatu yang baru tentang dunia teknologi contohnya *Big Data*, *IoT* dan sebagainya. Kami juga memperolehi sesuatu yang berguna daripada pengalaman pensyarah yang telah menyiapkan penyelidikan mereka dalam bidang mereka tersendiri. Selain itu, kami juga dapat bertukar pandangan dan pengalaman dalam pengurusan kelab IT di universiti awam dan kami berharap program seperti ini akan diteruskan lagi pada masa akan datang untuk memberi lebih pendedahan tentang teknologi terkini kepada pelajar teknologi maklumat di seluruh universiti.”

Sekian dan harap maklum.

=====

Students Development & Alumni Office  
UUM College of Arts & Sciences  
Tel: 049285307 | Faks: 049285310  
Email:cas-sadc@uum.edu.my  
Website:ppacas.uum.edu.my



Students Development & Alumni Office



@ppauumcas



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.